

SYARAT-SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN SERTA DESKRIPSI TUGAS

PEMBANTU EHWAL EKONOMI GRED E19

A. Syarat – Syarat Lantikan dan Kelayakan:

- i. Pemohon hendaklah memiliki kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- ii. Pemohon hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- iii. Keutamaan juga diberikan kepada calon yang dapat bekerja di bawah pengawasan yang minima serta berkebolehan mempelajari proses kerja sedia ada dengan pantas; dan
- iv. Pemohon dikehendaki sanggup bekerja lebih masa, di luar waktu pejabat dan di luar stesyen apabila diperlukan dan bekerja dalam keadaan yang mencabar.

B. Deskripsi Tugas:

- i. **Aspek Perkhidmatan Tanaman dan Pengembangan Pekebun**
 - Membantu melaksanakan program penyaluran skim dan bantuan kepada pekebun bagi memastikan agensi menyalurkan input pertanian dengan sistematik kepada kumpulan sasaran berpandukan garis panduan danperuntukan yang telah ditetapkan;
 - Membantu pelaksanaan pemberian khidmat nasihat kepada pekebun berkaitan perkhidmatan tanaman melalui kursus, ceramah, seminar, persidangan, sesi dialog, dan lawatan kepada pekebun bagi memastikan agensi melahirkan pekebun yang berpengetahuan dalam pembangunan industri lada;
 - Membantu memantau pelaksanaan program pengumpulan data tanaman dan pekebun bagi memastikan agensi mempunyai data yang terkini.

ii. Aspek Pentadbiran Am

- Menyelia logistik iaitu menguruskan kenderaan pejabat/pemandu, menguruskan perkhidmatan mel, menguruskan kaunter khidmat pelanggan, bilik mesyuarat/seminar, dewan dan menguruskan permohonan kemudahan tambahan;
- Membantu menguruskan daftar bil serta pembayaran bil;
- Mengurus urusan kemudahan perubatan seperti pembayaran bil perubatan dan tuntutan bayaran balik perubatan, kemudahan insurans kakitangan dan percetakan kad perubatan dan pengemaskinian maklumat tanggungan bagi kakitangan;
- Menyelia pengurusan fail dan rekod, perpustakaan, pelaksanaan kad perakam waktu dan pelaksanaan majlis anugerah-anugerah peringkat MPB serta jabatan;
- Pengurusan dan penyelenggaraan (kenderaan dan penghawa dingin);
- Pelaksanaan kebersihan dan keceriaan pejabat dan komunikasi;
- Menyediakan dan menyemak kontrak kawalan keselamatan; dan
- Membantu pelaksanaan projek-projek.

iii. Khidmat Sokongan

- Menyediakan Jadual Tugas dan Tanggungjawab Pemandu;
- Menjalankan Pemeriksaan Buku Log dan dokumen-dokumen kenderaan;
- Menjalankan pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM;
- Melaksanakan pembaharuan cukai jalan, insurans, permit dan sebagainya;
- Membantu dalam urusan pembekalan pakaian seragam pemandu;
- Melaksana penyelenggaraan kenderaan pejabat dan forklift;
- Membantu mendapatkan perolehan untuk kenderaan pejabat dan forklift.

iv. Aspek Perancangan Strategik

- Membantu menyediakan input anggaran belanjawan mengurus;
- Membantu menyediakan laporan prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan MPB;
- Membantu dalam penerbitan buletin industri lada;
- Membantu dalam menyediakan laporan permohonan peruntukan pembangunan suku tahun.

v. Aspek Galakan Pasaran Dalam dan Luar Negeri, Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana serta Pengkomersilan

- Membantu menyediakan aktiviti-aktiviti galakan/ promosi pasaran (Dalam dan Luar Negeri);
- Membantu menyediakan input justifikasi kertas kerja bagi Pameran Dalam dan Luar Negeri;
- Membantu menyediakan cadangan penyertaan dan pencalonan pegawaiMPB untuk menyertai aktiviti pameran luar negeri; dan
- Menyediakan bahan-bahan pameran untuk promosi di dalam dan luar negara.

vi. Aspek Perlesenan, Penguatkuasaan dan Penggredan

- Membantu dalam aktiviti penggredan di MPB seperti persampelan, pengeluaran sijil dan perlepasan konsainmen;
- Membantu dalam aktiviti pemprosesan permohonan baru lesen lada, pembaharuan dan pembatalan lesen; dan
- Membantu dalam aktiviti penguatkuasaan di MPB seperti pemeriksaan premis menjual, membeli, menyimpan, mengeksport, mengimport dan mengilang